



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

300 ASNAF DAN WARGA WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN TERIMA SUMBANGAN KIT BARANGAN MAKANAN

LABUAN, 08 Jun 2020 – Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara semenjak 18 Mac yang lalu telah membari kesan yang kepada kehidupan dan ekonomi rakyat secara keseluruhannya. Sebagai kerajaan yang prihatin dengan permasalahan yang dihadapi oleh rakyat, saya telah memohon bantuan daripada organisasi untuk berganding bahu menghulurkan bantuan kepada mereka yang terkesan akibat PKP ini.

Saya ingin mengumumkan pemberian sumbangan berupa kit bantuan makanan kepada 300 orang asnaf dan warga Wilayah Persekutuan Labuan terpilih dari Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) yang akan diedarkan secara berperingkat oleh pihak Perbadanan Labuan bermula hari ini. Kit bantuan makanan yang disumbangkan oleh YWP ini adalah salah satu daripada aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) mereka yang merupakan teras utama operasi YWP di Wilayah Persekutuan. Kit ini mengandungi barangan makanan asas seperti beras, minyak masak, gula, garam, tepung, kopi, teh, milo, mi segera, biskut, ikan dalam tin dan kicap. Pada hari ini juga, pihak MAIWP dan YWP turut memberikan sumbangan kit bantuan makanan kepada 11 keluarga golongan asnaf yang terpilih.

TAN SRI TP^r ANNUAR HAJI MUSA

Menteri Wilayah Persekutuan

8 Jun 2020